ISHAK SHAARI

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
ABU SAMAH NORDIN H
[RAYUAN JENAYAH NO: 41-4-2004]
14 NOVEMBER 2005

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Kesiksaan - Seksyen 354 - Mencabul kehormatan - Keterangan pendakwaan dan pembelaan - Sama ada dinilai dengan sewajarnya - Prinsip Mat v. PP - Sama ada dipatuhi - Sabitan - Sama ada teratur*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Mencabul kehormatan - Guru kaunseling - Mencabul kehormatan murid berumur 14 tahun 9 bulan - Hukuman setimpal - Kanun Kesiksaan s. 354*

Perayu, seorang guru kaunseling, telah disabit dengan kesalahan di bawah s. 354 Kanun Kesiksaan kerana mencabul kehormatan muridnya yang berumur 14 tahun 9 bulan ('SP1'), dan dijatuhkan hukuman empat tahun penjara dan dua kali sebatan. Yang arif Majisteret, dalam mencapai keputusannya, telah menerima keterangan SP1 bahawa pada hari berkenaan perayu telah membawa beliau dan SP5 menaiki keretanya, bahawa perayu kemudian menurunkan SP5 di Taman Rekreasi dan membawa beliau ke rumah perayu, dan bahawa, di dalam rumah tersebut, perayu telah mengajaknya melakukan persetubuhan serta memeluknya. Di samping keterangan ini, Majisteret juga telah mempertimbang - tetapi menolak - keterangan perayu bahawa beliau tidak membawa SP1 ke rumahnya sebaliknya telah menurunkan kedua-dua SP1 dan SP5 di Taman Rekreasi. Apapun, perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman dan berhujah bahawa Majisteret telah: (i) gagal menilai sama ada versi pembelaan benar atau tidak; (ii) gagal menilai sama ada ia telah menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan; dan (iii) gagal menyatakan sebab-sebab mengapa beliau tidak mempercayai versi yang dikemukakan pembelaan. Menurut perayu, kegagalan-kegagalan ini menyebabkan penghakiman Majisteret bukan satu 'speaking judgment'. Lebih dari itu, ia menunjukkan ketidakpatuhan kepada prinsip-prinsip dan ujian seperti yang digunakan di dalam *Mat v. PP*.

Diputuskan (mengekalkan sabitan; meringankan hukuman):

[1] Majisteret telah menimbang pembelaan perayu dengan teliti. Malah, sebelum menerima keterangan SP1, ia telah memberi amaran kepada dirinya supaya berhati-hati sebelum menerimanya. Ia juga telah mempastikan terdapat keterangan dari saksi pendakwaan lain yang menyokong keterangan SP1. (ms. 275 a)

[2] Dalam penghakimannya Majisteret telah menerimapakai ujian yang dinyatakan di dalam kes *Mat v. PP*, selain merujuk kepada kes *Mohd Radhi v. PP*. Malah, Majisteret bukan sahaja merujuk kepada keterangan saksi-saksi, tetapi merujuk juga kepada eksibit-eksibit dan telah menimbang hujah kedua-dua pihak sebelum membuat keputusan. Selain itu, beliau juga telah memberikan alasan kenapa ia tidak menerima pembelaan apabila memutuskan bahawa pembelaan perayu tidak menimbulkan keraguan yang munasabah. (ms. 275 b-g)

[3] Keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain tidak disoal balas dan tidak dicabar oleh pembelaan. Ini bermakna kredibiliti dan keterangan mereka tidak dipersoalkan. Selain itu, SP1 telah mengecam rumah perayu serta bantal dan tilam di rumah tersebut. Tidak pernah dicadangkan, semasa pemeriksaan balas, bahawa tilam berkenaan bukan milik perayu. Soalnya adalah, jika SP1 tidak pernah dibawa ke rumah tersebut oleh perayu, bagaimana SP1 boleh mengecam bilik-bilik rumah tersebut dan tilam yang dijadikan eksibit. Seterusnya, bagaimana SP1 boleh tahu bahawa terdapat telefon berwarna merah hati di rumah perayu. Semua keterangan-keterangan ini tidak dicabar. Oleh itu, keputusan Majisteret untuk menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan dan menolak keterangan perayu sebagai tidak menimbulkan keraguan yang munasabah adalah betul dan disokong oleh keterangan. Dengan itu, rayuan terhadap sabitan harus ditolak. (ms. 276 g-i & 277 i)

[4] Kesalahan yang dilakukan perayu tidak boleh dipandang ringan. Bagaimanapun, hukuman empat tahun penjara adalah agak berat memandangkan apa yang dilakukan perayu adalah menggunakan kekerasan jenayah dengan memeluk dan cuba membaringkan SP1 tanpa mencederakannya dan bahawa perayu pada waktu itu masih berpakaian. Mengenai hukuman sebatan ia bukanlah mandatori dan tidak wajar dikenakan ke atas perayu dalam hal keadaan kes. Bagaimanapun, hukuman dua tahun penjara adalah memadai. (ms. 278 d)

[Hukuman diganti dengan hukuman dua tahun penjara tanpa sebatan].

Kes-kes yang dirujuk:
Antonio Dias Caldeira v. Frederick Augustus Gray [1934] 1 LNS 5 PC ***(dirujuk)***
Ayoromi Helen v. PP [2005] 1 CLJ 1 CA ***(dirujuk)***
Dato' Mokhtar Hashim v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC ***(dirujuk)***
Lim Yow Choon v. PP [1972] 1 MLJ 205 ***(dirujuk)***
Md Zuki Bakar v. PP, Mahkamah Tinggi Taiping Rayuan Jenayah No. 52-30-90 (Mallal's Digest, vol 5, Reissue, Perenggan 188) ***(dirujuk)***
Mohd Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
Msimange Lesaly v. PP [2005] 1 CLJ 398 CA ***(dirujuk)***
Powell & wife v. Streatham Manor Nursing Home [1935] All ER 58 (Reprint) ***(dirujuk)***
PP v. Abd Rahman Mohamad [2005] 1 CLJ 700 CA ***(dirujuk)***
PP v. Choo Yee Keang [1991] 3 CLJ 2909 HC ***(dirujuk)***
PP v. Harun Idris (No 2) [1977] 1 LNS 92 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Rosli Supardi v. PP [2002] 3 CLJ 544 CA ***(dirujuk)***
Watt or Thomas v. Watt [1947] AC 484 ***(dirujuk)***
Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 50(2)
Penal Code, s. 354

Bagi pihak perayu - Ram Karpal Singh; T/n Karpal Singh & Co
Bagi pihak responden - Abdul Rashid Daud; TPR

Dilaporkan oleh Rose Aziz

PENGHAKIMAN

Abu Samah Nordin H:
Perayu telah dituduh di Mahkamah Majistret Alor Gajah Melaka di bawah s. 354 Kanun Keseksaan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 28 Jun 1995 jam lebih kurang pukul 2ptg, di rumah No. 7276 Taman Sebang Baru, Pulau Sebang, di dalam daerah Alor Gajah, di dalam negeri Melaka, telah menggunakan kekerasan jenayah terhadap Ramlah binti Mahden, KP. No: 810724-05-5184, dengan tujuan untuk mencabul kehormatannya, iaitu kamu telah memeluknya, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 354 Kanun Kesiksaan.

Perayu telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman empat tahun penjara dari tarikh hukuman, iaitu 28 Januari 2004 dan dua kali sebatan. la sekarang merayu terhadap sabitan dan hukuman.

Kes Pendakwaan

Secara ringkas kes pendakwaan adalah seperti berikut. Perayu ialah seorang ustaz dan guru kaunseling di Sekolah Menengah Taman Indah, Tampin. Pada 28 Jun 1995 jam lebih kurang 2ptg, iaitu selepas waktu sekolah, perayu telah membawa mangsa iaitu SP1 dan kawannya SP5, kedua-duanya murid perempuan tingkatan dua di sekolah tersebut menaiki keretanya. Apabila sampai di Taman Rekreasi ia telah menurunkan SP5, tetapi tidak membenarkan SP1 turun sama. Sebaliknya, ia telah membawa SP1 balik ke rumahnya, iaitu di No. 7276, Taman Sebang Baru, Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka.

Mengikut SP1, apabila tiba di rumah perayu, perayu telah mengajaknya sembahyang sunat dua rakaat. Mereka sembahyang di bilik No. 2. Selepas sembahyang sunat, perayu telah menikahkan dirinya dengan SP1 dengan membaca, 'sahaja aku nikahkan diriku dengan Ramlah binti Mahden dengan mas kahwin RM40 hutang.' Selepas itu perayu telah memberikan sehelai kain pelekat dan menyuruh SP1 berkemban tetapi SP1 enggan mengikut arahan perayu.

Perayu kemudian menyuruh SP1 menunggu di ruang tetamu dan beliau pergi mengambil tilam dari bilik No. 2, membentangkannya di ruang tetamu dan menyuruh SP1 baring. SP1 tidak baring. Perayu kemudian memeluk SP1 dari belakang dan menyuruhnya baring. Semasa memeluk SP1, perayu tidak berjaya membaringkan SP1 kerana ia telah mengeraskan badannya.

Selepas itu perayu mula bercerita tentang masalah dirinya dengan menyatakan bahawa ia mengidap penyakit barah dan hanya anak dara sahaja yang boleh mengubatinya, iaitu bersetubuh dengannya.

SP1 kemudian cuba menelefon rumahnya dengan menggunakan telefon warna merah hati yang terletak di ruang tetamu. Bagaimanapun ia tidak sempat bercakap dengan sesiapa kerana perayu telah merampas telefon darinya. Selepas merampas telefon, perayu memujuknya supaya berbaring tetapi SP1 masih enggan. SP1 bangun menuju ke pintu tetapi dihalang oleh perayu. Akhirnya perayu bersetuju menghantar SP1 balik ke rumahnya.

Dalam perjalanan balik, perayu telah pergi semula ke Taman Rekreasi tersebut untuk mencari SP5 tetapi gagal menemuinya di situ. Perayu berjumpa dengan SP5 di hadapan pejabat pos. Perayu kemudian menghantar balik SP1 dan SP5 dengan keretanya sehingga ke stesen bas. Sebelum menurunkan mereka, perayu telah memberikan wang RM10 kepada SP1 tetapi SP1 menolaknya. SP1 berjalan kaki balik ke rumah.

Apabila tiba di rumah, SP1 telah bertanya kepada ibunya samada ia ada mendengar bunyi telefon dan ibunya, SP2 menjawab telefon ada berbunyi sekali tetapi ia tidak sempat menjawabnya. SP1 tidak memberitahu ibunya akan kejadian di rumah perayu tetapi telah memberitahu ustazah Hasmah bt. Awang (SP6) seminggu kemudian. Pada 7 Julai 1995 SP1 telah membuat laporan polis.

Pada 13 Julai 1995, SP1 telah dibawa semula ke rumah perayu bersama pegawai penyiasat (SP4), dan jurufoto (SP3). SP4 telah membuat rajah kasar (Ek. P5) dan mengambil tilam dan bantal dari bilik tengah rumah tersebut. SP1 juga telah mengecam rumah perayu, bantal, tilam dan kedudukan bilik-bilik di rumah tersebut melalui gambar-gambar yang diambil oleh SP3 (jurufoto).

SP4, pegawai penyiasat, mengesahkan bahawa terdapat satu telefon warna merah hati yang boleh digunakan di rumah perayu.

Semasa pemeriksaan balas, peguam perayu telah mencabar keterangan SP1 dan mencadangkan bahawa keterangan SP1 adalah tidak benar. SP1 bagaimanapun tidak bersetuju dengan cadangan peguambela.

Keterangan SP1, kecuali mengenai kejadian di rumah perayu, adalah disokong oleh SP5. Keterangan SP1 bahawa ia telah menelefon rumahnya, adalah konsisten dengan keterangan ibunya. Keterangan SP1 bahawa terdapat telefon warna merah hati di rumah perayu adalah disahkan oleh SP4. Pihak pendakwaan telah memanggil (6) orang saksi. Kecuali SP1, semua saksi-saksi lain tidak disoalbalas oleh peguambela. Ini bermakna keterangan saksi-saksi tersebut adalah tidak dicabar oleh pihak perayu.

Kes Perayu

Perayu, di dalam pembelaannya menafikan keterangan SP1 mengenai apa yang berlaku, selepas ia menurunkan SP5 di Taman Rekreasi. Ia menafikan apa yang berlaku dirumahnya. Mengikut perayu, ia telah menurunkan SP1 dan SP5 di Taman Rekreasi kerana SP1 hendak pergi ke taman tersebut berjumpa dengan kawan perempuannya. Selepas itu ia balik ke rumah bapa mertuanya, bukan ke rumahnya dan tidak lagi berjumpa dengan mereka pada hari tersebut. Keterangan perayu ini adalah sama dengan pernyataan beramarannya (D6).

Alasan Rayuan

Alasan rayuan perayu yang pertama ialah bahawa Majistret melakukan kesilapan di dalam menolak pembelaannya dan memutuskan bahawa pembelaannya tidak menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Peguam perayu berhujah bahawa Majistret tidak membuat penilaian sewajarnya ke atas pembelaan perayu sepertimana yang telah diputuskan

di dalam kes *Mohd. Radhi bin Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311. Di dalam kes tersebut Mahkamah Agong pada m.s. 2076 (p. 315) menyatakan:

> We are of the view that whenever a criminal case is decided on the basis of the truth of the prosecution's case as against the falsity of the defence story, a trial judge must in accordance with the principle laid down in *Mat v. PP* go one step further before convicting the accused by giving due consideration as to why the defence story, though could not be believed, did not raise a reasonable doubt in the prosecution case. Thus, even though a judge does not accept or believe the accused's explanation, the accused must not be convicted until the court is satisfied for sufficient reason that such explanation does not cast a reasonable doubt in the prosecution case. To satisfy this test it is not so much the words used by the judge, but rather the actual application of the test to the facts of the case that matters. In this case, we found that the learned trial judge offered practically no reason why the defence, notwithstanding its falsity and unconvincing nature, had failed to cast reasonable doubt in the prosecution case, other than to state by way of lip service the duty placed by the law on the defence to earn an acquittal.

Adalah dihujahkan bahawa, berdasarkan kepada kes *Mohd. Radhi v. PP*, majistret hendaklah menimbangkan:

i) samada versi pembelaan adalah benar atau tidak;

ii) jika versinya tidak dipercayai, Majistret masih perlu menimbangkan samada versi pembelaan telah menimbulkan keraguan menasabah terhadap kes pendakwaan; dan

iii) sekiranya Majistret tidak mempercayai versi perayu, ia perlu menyatakan sebab-sebab versi tersebut tidak dipercayai.

Oleh kerana beliau tidak mengambilkira perkara-perkara di atas penghakimannya bukanlah satu "speaking judgment".

Majistret juga dikatakan tidak mengambil kira bahawa keterangan lisan perayu, iaitu ia telah balik ke rumah bapa mertuanya selepas menurunkan SP1 dan SP5 di Taman Rekreasi adalah konsisten dengan kenyataan beramarannya (D6). Peguam perayu merujuk kepada kes *PP v. Choo Yee Keang* [1991] 3 CLJ 2909 dan *Md Zuki bin Bakar v. PP*, Mahkamah Tinggi Taiping Rayuan Jenayah No. 52-30-90 (Mallal's Digest, Vol. 5, Reissue, Perenggan 188). Fakta di dalam kes *Md. Zuki bin Bakar v. PP* adalah berbeza. Di dalam kes tersebut mahkamah tidak langsusng mengambil kira kenyataan beramaran perayu. Di dalam kes di hadapan saya mahkamah majistret, seperti juga di dalam kes *PP v. Choo Yee Keang* telah mengambilkira pernyataan beramaran perayu.

Juga dihujahkan bahawa pendakwaan tidak langsung menyoal balas perayu mengenai keterangannya bahawa ia telah balik ke rumah bapa mertuanya selepas menurunkan SP1 dan SP5 di Taman Rekreasi: Lihat *Ayoromi Helen v. PP* [2005] 1 CLJ 1. Kegagalan Majistret menimbangkan pembelaan perayu ini, termasuk penyataan beramarannya telah mengakibatkan "miscarriage of justice." Di dalam kes *Ayoromi Helen v. PP* Mahkamah Rayuan telah merujuk kepada kes *Wong Swee Chin v. PP* [1986] 1 MLJ 212, di mana Raja Azlan Shah CJ pada ms. 213, menyatakan:

> A correct statement of the law is that failure of the defence to cross examine the prosecution witnesses on the matter merely goes to the credibility of their testimony ... On this point we need only say there is a general rule that failure to cross examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witnesses testimony.

Di dalam rayuan ini, saya mendapati rekod rayuan menunjukkan masing-masing pihak gagal memeriksa balas saksi-saksi pihak yang satu lagi. Pembelaan tidak langsung menyoal balas dan mencabar keterangan SP1 dan SP5 bahawa perayu datang semula ke Taman Rekreasi dan menghantar mereka pulang. Manakala pendakwaan tidak menyoal balas perayu yang mendakwa ia terus balik ke rumah bapa mertuanya. Dalam keadaan seperti ini, mahkamah hendaklah menimbangkan kegagalan memeriksa balas bersama dengan keterangan yang ada. Di dalam kes ini, saya mendapati Majistret berkenaan, setelah melihat dan mendengar saksi-saksi, memilih untuk menerima dan mempercayai keterangan SP1 dan SP5.

Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa Majistret telah menimbangkan keterangan kedua-dua pihak dan memutuskan untuk menerima keterangan pendakwaan. Fakta bahawa pernyataan beramaran perayu adalah konsisten dengan keterangan lisannya tidak semestinya perayu adalah seorang saksi yang bercakap benar: lihat *Msimange Lesaly v. PP* [2005] 1 CLJ 398. Terdapat keterangan yang mencukupi untuk menyokong keputusan Majistret jika sekalipun terdapat salah arahan dan sebab-sebab beliau menolak keterangan perayu tidak dinyatakan: Lihat *Rosli bin Supardi v. PP* [2002] 3 CLJ 544. Majistret di dalam penghakimannya telah membuat analisa yang teliti terhadap keterangan perayu dan berpendapat bahawa keterangan perayu tidak menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

Keputusan

Setelah meneliti rekod rayuan dan eksibit-eksibit berkenaan dan setelah menimbangkan hujah bertulis dan hujah lisan kedua-dua pihak, saya mendapati bahawa Majistret berkenaan telah menimbangkan pembelaan perayu dengan teliti. Malah sebelum menerima keterangan SP1, ia telah memberi amaran

kepada dirinya supaya berhati-hati sebelum menerimanya. la juga telah mempastikan samada terdapat keterangan dari saksi pendakwaan lain yang boleh menyokong keterangan SP1. la berpuashati bahawa keterangan SP1 juga disokong oleh keterangan SP5 dan lain-lain saksi pendakwaan.

Di dalam penghakimannya, Majistret telah menerimapakai ujian yang dinyatakan di dalam kes *Mat v. PP* dan juga merujuk kepada kes *Mohd. Radhi v. PP*. Pendekatan yang digunakan oleh majistret ini adalah sama seperti yang dinyatakan di dalam kes *PP v. Mohd. Radhi bin Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457. Y.A. Gopal Sri Ram JCA, di dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

> For the guidance of the courts below, we summarise as follows the steps that should be taken by a trial court at the close of the prosecution's case:
>
> (i) ...
>
> (ii) ...
>
> (iii) ...
>
> (iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v. PP* [1963] MLJ 263.

Di dalam kes ini majistret bukan sahaja merujuk kepada keterangan saksi-saksi, tetapi ia juga telah merujuk kepada eksibit-eksibit dan menimbangkan hujah kedua-dua pihak sebelum membuat keputusannya. Pernyataan beramaran perayu, iaitu D6, adalah salah satu eksibit di dalam kes ini. Jadi adalah tidak benar jika dikatakan Majistret tidak mengambilkira pernyataan beramaran perayu. Mahkamah, bagaimanapun tidak terikat untuk menerima pembelaan perayu semata-mata kerana keterangan lisannya konsisten dengan pernyataan beramarannya: lihat *Msimanga Lesaly v. PP; Lim Yow Choon v. PP* [1972] 1 MLJ 205.

Saya mendapati bahawa kesimpulan yang dicapai oleh majistret adalah dibuat setelah menimbangkan keterangan kedua-dua pihak. Kesimpulannya adalah disokong oleh keterangan. Beliau juga telah memberikan alasan kenapa ia tidak menerima pembelaan perayu apabila memutuskan bahawa pembelaan perayu tidak menimbulkan keraguan yang menasabah.

Di dalam kes ini, apa yang berlaku di rumah perayu adalah bergantung kepada keterangan SP1 semata-mata. Tidak ada orang lain yang menyaksikan. Perayu menafikannya. Majistret telah melihat dan mendengar sendiri SP1 dan perayu memberi keterangan. la telah mengingatkan dirinya supaya berhati-hati sebelum menerima keterangan SP1. Setelah menimbangkannya dan mendapati keterangan SP1 adalah konsisten dan disokong oleh lain-lain saksi, ia memutuskan untuk menerima keterangan SP1.

Dari segi ini, Yang Arif Majistret berkenaan mempunyai kelebihan, berbanding dengan mahkamah di peringkat rayuan, untuk membuat keputusan fakta berdasarkan kepada kredibiliti dan 'demeanour' saksi-saksi. Fungsi mahkamah, diperingkat rayuan di dalam menimbangkan rayuan terhadap penemuan fakta yang melibatkan kredibiliti saksi-saksi adalah terhad: lihat *Watt or Thomas v. Watt* [1947] A.C. 484, *Caldeira v. Gray* [1936] MLJ 137, *Powell and wife v. Streatham Manor Nursing Home* [1935] All ER 58 (Reprint), *Dato' Mokhtar bin Hashim v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 CA, *PP v. Abd Rahman Mohamad* [2005] 1 CLJ 700.

Lord Wright, di dalam kes *Powell and wife v. Streatham Manor Nursing Home*, menjelaskan:

> Two principles are, I think, beyond controversy. First it is clear that, in an appeal of this character, that is from the decision of a Trial Judge based on his opinion of the trustworthiness of witnesses whom he has seen, the Court of Appeal in order to reverse, must not merely entertain doubt whether the decision below is right, but be convinced that it is wrong.

Di dalam kes *Dato' Mokhtar bin Hashim v. PP* Y.A. Abdoolcader FJ. telah merujuk kepada kes *Antonio Dias Caldeira v. Frederick Augustus Gray* [1934] 1 LNS 5 PC dan menyatakan seperti berikut:

> The Privy Council said in *Caldeira v. Gray* that the functions of an appellate court, when dealing with a question of fact, and a question of fact in which questions of credibility are involved, are limited in their character and scope, and that in an appeal from a decision of a trial judge based on his opinion of the trustworthiness of witnesses whom he has seen, an appellate court must in order to reverse, not merely entertain doubts whether the decision below is right but be convinced that it is wrong.

Keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain tidak disoalbalas dan tidak dicabar oleh pembelaan. Ini bermakna kredibiliti mereka dan keterangan mereka tidak dipersoalkan. Keterangan SP5 bahawa perayu menurunkannya di Taman Rekreasi dan terus membawa SP1 di dalam keretanya tidak dicabar. Keterangan SP5, bahawa ia menaiki semula kereta perayu dan perayu menghantar kedua-dua mereka balik, juga tidak dicabar oleh pembelaan. Kenapa perayu tidak mencabarnya, sedangkan di dalam keterangannya, perayu menyatakan ia terus pergi kerumah bapa mertuanya selepas menurunkan SP1 dan SP5 di Taman Rekreasi?

SP1 telah mengecam rumah perayu. la telah mengecam bantal dan tilam di rumah perayu. Tidak pernah dicadangkan, semasa pemeriksaan balas, bahawa tilam tersebut bukan tilam perayu. Jika sekiranya SP1 tidak pernah dibawa oleh perayu ke rumah tersebut, bagaimana SP1 boleh mengecam bilik-bilik di rumah tersebut dan tilam yang dijadikan eksibit? Bagaimana SP1 boleh tahu,

bahawa ada telefon berwarna merah hati di rumah perayu?. SP4, pegawai penyiasat, mengesahkan bahawa ada telefon berwarna merah hati yang boleh digunakan di rumah perayu. Keterangan ini tidak dicabar oleh perayu. Setelah membaca rekod rayuan, saya berpendapat keputusan Majistret untuk menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan, terutamanya keterangan SP1 dan menolak keterangan perayu sebagai tidak menimbulkan keraguan yang munasabah, adalah betul dan disokong oleh keterangan. Keterangan perayu bahawa ia telah balik kerumah bapa mertuanya adalah merupakan penafian semata-mata. Saya mendapati tidak ada 'miscarriage of justice' di dalam kes ini.

Mengenai percanggahan keterangan, saya mendapati keterangan SP1 adalah konsisten, dan tidak bercanggah. Jika adapun percanggahan, ia hanyalah percanggahan kecil sahaja dan tidak menjejaskan keterangannya. Dalam konteks ini, kita perlu merenung kembali apa yang telah dijelaskan oleh Raja Azlan Shah F.J., di dalam kes *PP v. Datuk Hj. Harun bin Hj. Idris* (No. 2) [1977] 1 MLJ 15 m.s 19 seperti berikut:

> In my opinion discrepancies there will always be, because in the circumstances in which the events happened, every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every single thing that happened. It may be open to criticism, or it might be better if they took down a note-book and wrote down every single thing that happened and every single thing that was said. But they did not know that they are going to be witnesses at this trial. I shall be almost inclined to think that if there are no discrepancies, it might be suggested that they have concocted their accounts of what had happened or what had been said because their versions are too consistent. The question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient to destroy their credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent, for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other. It is, therefore, necessary to scrutinize each evidence very carefully as this involves the question of weight to be given to certain evidence in particular circumstances.

Mengenai kelewatan membuat laporan polis, pembelaan tidak pernah menyoalbalas SP1 kenapa ia lewat membuat laporan tersebut. Walau apa pun tidak ada percanggahan yang material di antara keterangan lisan SP1 dengan laporan polisnya yang boleh menjejaskan kredibilitinya. Kelewatan membuat laporan polis semata-mata, bukanlah satu alasan yang boleh diterima bagi membenarkan rayuan oleh perayu.

Atas alasan tersebut saya dengan ini menolak rayuan perayu terhadap sabitan.

Hukuman

Hukuman penjara maksimum di bawah s. 354 Kanun Keseksaan ialah 10 tahun. Mahkamah juga boleh mengenakan hukuman sebatan. Jadi, hukuman empat tahun penjara dan dua kali sebatan adalah tidak menyalahi dan dibenarkan oleh undang-undang. Timbalan Pendakwa Raya bagaimanapun bersetuju bahawa tidak ada keganasan fizikal dilakukan terhadap mangsa. la tidak dicederakan.

Ini ialah kesalahan pertama perayu. la juga akan kehilangan kerjanya, jika disabitkan. Bagaimanapun sebagai seorang guru agama dan guru kaunseling, perayu telah diberikan tanggungjawab dan amanah untuk mendidik dan memberi tunjuk ajar kepada muridnya dan bukan menggunakan kedudukannya dengan mencabul kehormatan muridnya.

Mengenai hukuman penjara, peguam perayu mencadangkan dua tahun atau lebih baik lagi enam bulan. Saya berpendapat hukuman empat tahun penjara adalah agak berat memandangkan bahawa apa yang dilakukan oleh perayu ialah menggunakan kekerasan jenayah dengan memeluk dan cuba membaringkan SP1 tanpa mencederakannya dan perayu pada masa kejadian masih berpakaian, Bagaimanapun, kesalahan yang dilakukan oleh perayu tidak boleh dipandang ringan. Mangsa masih di dalam tingkatan dua, berumur 14 tahun 9 bulan. Apa yang berlaku kepada mangsa boleh berlaku kepada murid-murid yang lain. Jika tidak dibendung, ia akan menjejaskan keyakinan ibubapa dan masyarakat terhadap institusi pendidikan. Mengenai hukuman sebatan ia bukanlah hukuman mandatori. Perayu juga tidak dicederakan. Pada pendapat saya, hukuman sebatan tidak wajar dikenakan ke atas perayu.

Daripada fakta kes ini dan setelah menimbangkan hujah kedua-dua pihak, saya berpendapat hukuman dua tahun penjara adalah memadai. Oleh itu hukuman empat tahun penjara dengan dua kali sebatan adalah digantikan dengan hukuman penjara dua tahun sahaja, berkuatkuasa mulai dari tarikh hari ini.

Peguam perayu telah membuat permohonan lisan untuk penggantungan perlaksanaan hukuman penjara sebaik sahaja keputusan rayuan ini diberikan. Permohonan ini ditentang oleh responden. Peguam perayu berjanji akan memfailkan notis rayuan pada hari esoknya. Mengikut s. 50(2) Akta Kehakiman Mahkamah 1964, perayu perlu mendapatkan kebenaran merayu dari Mahkamah Rayuan terlebih dahulu sebelum memfailkan rayuan. Mahkamah bagaimanapun menangguhkan keputusan mengenai permohonan penggantungan perlaksanaan hukuman kepada 15 November 2005 sementara menunggu rayuan difailkan seperti yang dijanjikan dan membenarkan jaminan ke atas perayu dilanjutkan sehingga 15 November 2005.